



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JANUARI / 12 / 2024

M/S : 23

Menara Merdeka 118 bukti kejayaan berterusan negara

Agong bertitah mercu tanda kedua tertinggi di dunia simbol kemajuan pelbagai bidang ikut acuan sendiri

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah malam kelmarin berkenan merasmikan Menara Merdeka 118 di Kuala Lumpur.

Yang turut berangkat ke majlis itu Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Keberangkatan tiba baginda berdua disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam serta Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Menara Merdeka 118 itu dimiliki PNB melalui anak syarikat milik penuhriya, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd.

Menara canggih yang memiliki 118 tingkat dengan ketinggian 678.9 meter itu adalah yang kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa Dubai (828 meter).

Direka bentuk oleh Fender Katsalidis dari Melbourne, Australia struktur itu termasuk puncak menara 40 tingkat (160.4 meter).

Sebelum ini, Shanghai Tower dinamakan sebagai menara kedua tertinggi di dunia (632 meter).

Yang di-Pertuan Agong bertitah, rakyat perlu melihat Menara Merdeka 118 sebagai kejayaan dalam meniti liku liku kemerdekaan sehingga sebuah negara serba rencam dan majmuk dapat disatukan atas

semangat nasionalisme yang tinggi.

Titah baginda, mercu tanda baharu itu adalah simbol rakyat meraikan kepelbagaian negara sebagai realiti wajah Malaysia yang merdeka.

"Dari sudut mana sekalipun kita melihat menara ini, ia memberi cerminan bagaimana negara kita telah melalui peredaran zaman sehingga akhirnya maju jaya dalam pelbagai bidang dengan struktur sosial dan nilai perpaduan menurut acuan kita yang tersendiri.

"Justeru, rakyat Malaysia sewajarnya berasa bangga kerana Menara Merdeka 118 ini adalah bukti kejayaan Malaysia yang berterusan," titah baginda.

Masjid Al-Sultan Abdullah

Pada masa sama, Al-Sultan Abdullah berkenan merasmikan dan memasyhurkan Masjid Al-Sultan Abdullah yang merupakan masjid utama di Kompleks Menara Merdeka 118 serta menzahirkan ucapan terima kasih kerana sudi menamakan ia dengan nama baginda.

"Ia adalah tanda ingatan dan hadiah yang sungguh berharga kepada beta dan Raja Permaisuri Agong yang akan kami hargai selagi nyawa dikandung badan," titah baginda.

Al-Sultan Abdullah merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga PNB kerana menjadikan pembinaan Menara Merdeka 118 satu kenyataan.

Baginda turut menzahirkan keyakinan PNB sebagai institusi pelaburan utama negara yang akan terus melangkah maju dalam usaha memperkasakan ekonomi negara.

"Marilah sama-sama kita berdoa semoga ekonomi negara terus berkembang maju dan keamanan serta kesejahteraan akan terus berkekalan buat negara Malaysia yang kita cintai ini," titah baginda.

BERNAMA



Al-Sultan Abdullah menyampaikan titah ucapan perasmian Menara Merdeka 118 sambil diperhatikan Arshad Raja (kiri) serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulkarnain Onn, semalam.

(Foto BERNAMA)